



PEKELILING PENTADBIRAN UMP BIL.3 TAHUN 2016

**TABUNG KHAIRAT KEMATIAN STAF
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

TABUNG KHAIRAT KEMATIAN STAF UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini disediakan untuk memberi penjelasan kepada staf berkaitan pengurusan Tabung Khairat Kematian.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Tabung Khairat Kematian ini ditubuhkan untuk meringankan bebanan kewangan keluarga waris.
- 2.2 Bantuan ini adalah tambahan kemudahan yang diluluskan oleh Universiti kepada pihak waris.

3.0 PELAKSANAAN

- 3.1. Semua **staf lantikan tetap** layak mencarum dan menjadi ahli berdaftar Skim Khairat Kematian UMP.
- 3.2. Faedah skim ini adalah terhad kepada **kematian staf yang mencarum sahaja**.
- 3.3. Kutipan dibuat daripada staf yang mencarum tabung khairat kematian melalui **kaedah potongan gaji** berdasarkan kadar seperti berikut;

KUMPULAN PERKHIDMATAN	JUMLAH SUMBANGAN (RM) / BULAN
Kumpulan Pelaksana (Gred 1-40)	3.00
Kumpulan Pengurusan & Profesional (Gred 41-54)	5.00
Kumpulan Pengurusan Tertinggi	10.00

Sekiranya berlaku kematian kepada pencarum(staf), waris pencarum akan mendapat **RM3,000.00**. Faedah ini juga dipanjangkan kepada staf

(pencarum) yang bersara wajib dengan UMP. Sekiranya pencarum telah meninggalkan dunia selepas tempoh perkhidmatan dengan UMP, waris boleh mengemukakan tuntutan kepada Bahagian Khidmat Pengurusan.

- 3.4. Pencarum yang tidak layak mendapat faedah adalah;
 - (a) Pencarum yang bersara pilihan;
 - (b) Pencarum yang meletak jawatan; dan
 - (c) Pencarum yang memberhentikan caruman.
- 3.5. Kuatkuasa potongan gaji adalah mulai bulan **Mei 2016**.

4.0 TINDAKAN OLEH KETUA JABATAN (PTJ)

- 4.1. Ketua Jabatan adalah dipohon untuk memaklumkan dan mengedarkan pekeliling ini kepada staf di PTJ masing-masing; dan
- 4.2. Mengumpul serta mengembalikan Lampiran A borang setuju terima daripada staf kepada Bahagian Khidmat Pengurusan, Jabatan Pendaftar.

5.0 TINDAKAN OLEH STAF

- 5.1. Menandatangani borang setuju terima seperti di **Lampiran A**, sekiranya bersetuju untuk mencarum Tabung Khairat Kematian Kebajikan Staf UMP;
- 5.2. Mengemukakan borang tersebut kepada Jabatan Pendaftar melalui Unit Pentadbiran di PTJ masing-masing.
- 5.3. Sekiranya staf berhasrat untuk menarik diri, **notis selama tiga (3) bulan perlu dikemukakan**. Staf perlu mengemukakan surat permohonan untuk menarik diri kepada Bahagian Khidmat Pengurusan, Jabatan Pendaftar. **Tarikh kuat kuasa adalah 3 bulan selepas notis.**

6.0 TINDAKAN OLEH BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN, JABATAN PENDAFTAR

- 6.1. Merekodkan dan memfailkan surat setuju terima daripada staf;
- 6.2. Mengemukakan senarai nama kepada Jabatan Bendahari untuk makluman dan tindakan pemotongan gaji; dan

- 6.3. Mengemaskini senarai nama ahli (pencarum) setiap kali sekiranya ada staf yang menarik diri dan mengemukakan kepada Bendahari.

7.0 TINDAKAN OLEH JABATAN BENDAHARI

- 7.1. Apabila berlaku kematian ahli yang berdaftar dengan Tabung Khairat Kematian, pihak Bendahari hendaklah mengemukakan bayaran kepada Bahagian Khidmat Pengurusan;
- 7.2. Membuat kutipan sumbangan melalui kaedah potongan gaji berdasarkan kadar di perenggan 3.3 di atas; dan
- 7.3. Memastikan senarai nama ahli (pencarum) adalah sentiasa dikemaskini dengan senarai yang dikemukakan oleh BKP.

8.0 TARIKH KUAT KUASA

Pekeiling ini berkuat kuasa mulai **1 Mei 2016**.

Disediakan oleh ;

Jabatan Pendaftar
Universiti Malaysia Pahang

**BORANG SETUJU TERIMA MENCARUM TABUNG KHAIRAT KEMATIAN BAGI
KEBAJIKAN STAF UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

Pendaftar
Universiti Malaysia Pahang
(up : Bahagian Khidmat Pengurusan)

Tuan,

Saya **bersetuju** untuk mencarum tabung khairat kematian dan bersetuju untuk memotong gaji saya seperti diperenggan 3.3 Pekeliling Pentadbiran Bil.2 Tahun 2016 iaitu:

KUMPULAN PERKHIDMATAN	JUMLAH SUMBANGAN (RM) / BULAN	*Tandakan (/)
Kumpulan Pelaksana (Gred 1-40)	3.00	
Kumpulan Pengurusan & Profesional (Gred 41-54)	5.00	
Kumpulan Pengurusan Tertinggi	10.00	

*Tandakan (/) dalam ruangan yang berkenaan.

Tandatangan :

Nama Penuh :

No. ID :

Jawatan & Gred :

PTJ / Fakulti :

Tarikh :